

## **Pembentukan Masyarakat Ke arah Pencapaian Status Negara Maju**

**oleh Dr Zulkipli Omar**

**Fello Penyelidik Kanan**

**Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)<sup>1</sup>**

Malaysia berada diambang pencapaian status negara maju atau negara berpendapatan tinggi yang disasarkan pada tahun 2020. Penanda aras yang sering digunakan untuk mendefinisikan status negara maju adalah pendapatan negara berbanding dengan bilangan penduduknya, umpamanya pendapatan negara kasar (GNI) per kapita. Iaitu GNI dibahagikan dengan jumlah penduduk. Tahap GNI per kapita untuk melayakkan sesebuah negara tergolong sebagai negara maju yang ditetapkan oleh Bank Dunia kini adalah melebihi 12,616 dolar Amerika, dan nilai ini meningkat dari masa ke semasa. Pada tahun 2020, dianggarkan nilai GNI per kapita untuk kelayakan sebagai negara maju adalah 15,000 dolar Amerika.

Malaysia dijangka tidak mempunyai masalah untuk mencapai sasaran ini berdasarkan prestasi ekonomi semasa. Namun, perlu diingat bahawa GNI per kapita cuma merupakan suatu ukuran kasar yang memberi petunjuk kepada tahap kemajuan sesebuah ekonomi dari sudut pendapatan. Ukuran ini tidak mampu menerangkan segala-galanya dari lain-lain sudut merangkumi sifat-sifat yang mendefinisikan status negara maju yang dihayati oleh masyarakat.

Secara umumnya, boleh dirumuskan bahawa rasionalnya status sebuah negara maju lebih memberi erti kepada seluruh masyarakat melalui peningkatan kesejahteraan hidup. Dengan kata lain peningkatan pendapatan negara mampu diterjemahkan kepada peningkatan pendapatan individu yang seterusnya mampu 'membeli' kesejahteraan hidup. Kesejahteraan hidup yang dihayati oleh masyarakat adalah sesuatu yang subjektif, namun ianya melambangkan cita rasa dan tingkah laku seorang individu atasan, seperti seorang yang berada dan berpendidikan. Antara lain, ianya termasuklah tahap kesihatan yang baik, akses kepada pendidikan formal, kemudahan awam yang berkualiti dan seumpamanya.

---

<sup>1</sup> Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

Jika pendapatan rakyat meningkat tidak setimpal dengan kos penyelenggaraan hidup yang mahal, seperti kos perubatan dan pendidikan, maka status pendapatan tinggi kurang memberi makna. Ditambah lagi dengan kemudahan awam yang terhad serta kurang bermutu. Sudah tentu tahap perkhidmatan yang lebih berkualiti juga diharapkan oleh masyarakat. Oleh itu, cabaran yang perlu kita tempuhi adalah untuk memastikan peningkatan kesejahteraan hidup sentiasa melebihi peningkatan pendapatan dari masa ke semasa. Jika tidak peningkatan pendapatan negara tidak memberi manfaat kepada rakyat jelata.

Objektif utama pengurusan ekonomi sesebuah negara adalah untuk memaksimumkan pendapatan negara dengan penggunaan sumber secara efisien atau cekap. Hasil kekayaan negara yang di kecapi pula perlu diagihkan secara efisien untuk memaksimumkan kesejahteraan rakyat. Tugas kerajaan adalah untuk melaksanakan dasar-dasar yang berkesan untuk menggalakkan aktiviti-aktiviti ekonomi berlaku secara efisien dengan penggunaan sumber yang terhad. Seterusnya hasil kekayaan negara perlu diagihkan secara efisien di kalangan masyarakat.

Konsep kecekapan bermaksud meminimumkan penggunaan input untuk memaksimumkan output. Keterbukaan ekonomi global kini membuatkan daya saing sesebuah ekonomi dipengaruhi oleh faktor kecekapan. Sebuah ekonomi yang efisien akan lebih berdaya saing dan seterusnya pertumbuhannya lebih mapan. Perlu diingat bahawa pencapaian status negara maju bukan merupakan suatu perlumbaan ke garis penamat. Ianya merupakan perlumbaan berterusan. Pencapaian status negara maju perlu dipertahankan selama-lamanya. Justeru, keperluan sebuah ekonomi yang efisien tidak ada penyudahnya, malah ianya perlu ditingkatkan dari masa ke semasa untuk memastikan pertumbuhan ekonomi berterusan.

Untuk membina sebuah ekonomi yang kuat, konsep efisien ini perlu dibudayakan ke dalam masyarakat keseluruhan. Konsep ini bukan sahaja terbatas kepada aktiviti ekonomi seperti pengeluaran, tetapi ianya mencakupi segala aktiviti kehidupan. Umpamanya, sebuah masyarakat yang menggunakan masa secara efisien akan mengelakkan pembaziran dan berupaya meningkatkan produktiviti. Sikap ini bermula

dari individu dan jika ianya dibudayakan akan memberi kesan kepada keseluruhan masyarakat.

Kesimpulannya, pencapaian status negara maju perlu diseimbangkan dengan sikap masyarakat. Sebuah perancangan ekonomi yang baik tanpa diiringi oleh sikap masyarakat yang bersesuaian dijangka akan menghadapi kesusahan untuk mengekalkan kegemilangan ekonominya walaupun tercapai pada peringkat awalnya. Malahan tidak mustahil sebuah ekonomi yang maju boleh runtuh tanpa sikap masyarakat yang bersesuaian. Oleh yang demikian, pencapaian status negara maju harus selari dengan perubahan sikap masyarakatnya. Tahap ekonomi kelas pertama mestilah diwakili oleh masyarakat berperwatakan kelas pertama.

Suatu sistem ekonomi yang efisien mampu meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat. Untuk mendapatkan suatu sistem ekonomi yang efisien segala proses yang kurang efisien perlu melalui transformasi dan reformasi yang bersesuaian. Antara lain, sikap ketamakan manusia menyumbang kepada proses yang kurang efisien, terutama pada tahap pendapatan individu yang rendah. Umpamanya, budaya rasuah adalah didorong antara lain oleh faktor pendapatan yang rendah serta pengagihan pendapatan yang tidak sama rata di kalangan masyarakat. Rasuah adalah antara penyumbang utama kepada proses yang kurang efisien. Peningkatan pendapatan pula mampu mendorong kepada perubahan sikap. Oleh itu, reformasi yang bersesuaian perlu dilakukan selari dengan tahap pendapatan individu yang semakin bertambah.

Segala proses transformasi atau reformasi memerlukan pembangunan institusi yang bersesuaian. Segala undang-undang dan peraturan yang berkaitan perlu ditambah baik dan dilaksanakan dengan berkesan. Seseengah proses pelaksanaan itu sendiri memerlukan reformasi untuk menjadikannya lebih efektif. Kemampuan melaksanakan undang-undang dan peraturan juga turut melambangkan peningkatan kesejahteraan hidup rakyat jelata kesan dari kemajuan ekonomi negara.

Pencapaian hakiki sebuah negara maju bolehlah dirumuskan sebagai kemampuan membudayakan sikap 'efisien' di kalangan individu. Di mana sikap efisien ini bermaksud setiap individu akan membuat yang terbaik berdasarkan norma-norma masyarakat. Kesan secara kolektifnya keseluruhan sistem menjadi lebih efisien.

Contohnya, masyarakat tanpa rasuah mampu dibudayakan, bukan kerana pelaksanaan undang-undang dan peraturan semata. Sudah tentu sikap seperti ini tidak datang dengan sendiri di dalam masyarakat, ianya perlu dipupuk. Justeru transformasi atau reformasi yang bersesuaian perlu dilakukan.

Pembentukan sikap ini adalah terletak di atas bahu setiap ahli masyarakat. Oleh itu, jawapan kepada persoalan apakah bentuk negara maju yang kita hajati adalah terpulang kepada setiap anggota masyarakat itu sendiri. Pembangunan institusi, pembentukan dasar serta undang-undang dan peraturan adalah cuma sebagai alat dan pemudah cara untuk membantu pembentukan sikap individu.